



يونيو، رسي، سلطان زان العايد
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

FLEXIBLE EDUCATION WITH SOUL

FlexS³

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

&

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN &
INOVASI AKADEMIK (CoMAE-i)**



Flexible Education with Soul

Panduan Pelaksanaan di UniSZA

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

&

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
Universiti Sultan Zainal Abidin

Flexible Education with Soul

Panduan Pelaksanaan di UniSZA

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

&

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Hak Cipta Terpelihara

© Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Universiti Sultan Zainal Abidin, 2021.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman

Telefon: 09-688 8485, Faks: 09-668 7889

Email: ptncaa@unisza.edu.my

Laman sesawang: <https://ptnca.unisza.edu.my>

Dengan Kerjasama

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik

Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman

Telefon: 09-688 8793, Faks: 09-668 7843

Email: bpa@unisza.edu.my

Laman sesawang: <https://comae-i.unisza.edu.my>

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH	8
SENARAI SINGKATAN	9
KATA PENGANTAR	10
PRAKATA	12
Pengenalan	14
LATAR BELAKANG	17
DEFINISI	19
JUSTIFIKASI	21
OBJEKTIF	24
TONGGAK	25
PENDEKATAN	29
TERAS FlexS	31
TERAS GAYA HIDUP SEJAHTERA	32
TERAS HUBUNGAN INSANIAH	37
TERAS TA'LIM WA TARBIYAH	42
TERAS MURABBI UNGGUL	48
PENUTUP	53
RUJUKAN	54
INDEKS	55
AHLI JAWATANKUASA INDUK FlexS	57



SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1 Asas Pembentukan Tonggak FlexS	25
Rajah 2 Tonggak FlexS	26



SENARAI SINGKATAN

Flexible Education with Soul	FlexS
<i>Internet of Things</i>	IoT
Lembaga Pengarah Universiti	LPU
Mata Pelajaran Umum	MPU
Revolusi Industri 4.0	IR4.0
<i>Sustainable Development Goals</i>	SDG
Universiti Sultan Zainal Abidin	UniSZA



KATA PENGANTAR

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Flexible Education with Soul (FlexS) ini berjaya diterbitkan dan berada dalam tatapan sidang pembaca sekalian. Sesungguhnya penerbitan buku ini berlaku tepat pada masanya, iaitu pada saat dan ketika pelaksanaan gagasan FlexS telah bermula dan semakin melebar kepada fasa untuk membumi FlexS di Dataran Abidin yang kita kasihi ini.

Akibat daripada gelombang Revolusi Industri (IR4.0), timbul pelbagai cabaran yang perlu ditangani melalui satu pendekatan pendidikan holistik. Berdasarkan rujukan al-Quran seperti ayat 1 hingga 5 dalam Surah al-'Alaq dan ayat 2 dalam Surah al-Jumu'ah, dapat disimpulkan bahawa model pendidikan holistik hendaklah berpaksikan kepada ilmu yang diikatkan dengan ketuhanan dan berorientasikan *ta'lim* (menyampaikan ilmu pengetahuan) yang digabungkan dengan *tarbiyah* (pembinaan sahsiah). Berdasarkan model ini, FlexS telah diperkenalkan di UniSZA.



Buku yang anda tatap ini merupakan satu panduan dan rujukan kepada pelaksanaan FlexS di UniSZA. Buku ini mengandungi konsep dan falsafah FlexS yang diterapkan melalui empat Teras, iaitu Teras Gaya Hidup Sejahtera, Teras Hubungan Insaniah, Teras Ta'lim wa Tarbiyah, dan Teras Murabbi Unggul. Besar harapan saya agar kandungan buku ini dapat memandu pengurusan fakulti dan pensyarah akademik ke arah pelaksanaan FlexS yang cemerlang di Dataran Abidin ini.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada sidang pengarang atas penerbitan buku ini. Semoga apa yang dihasratkan akan tercapai dan apa yang diimpikan akan termakbul.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)





PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan keizinan-Nya, buku FlexS berjaya diterbitkan. Buku FlexS ini merupakan manifestasi daripada transformasi akademik UniSZA, iaitu pendidikan berasaskan nilai. Buku yang anda tatap ini merupakan satu panduan dan rujukan kepada pelaksanaan FlexS di UniSZA. Buku ini mengandungi konsep dan falsafah FlexS yang diterapkan melalui empat Teras, iaitu Teras Gaya Hidup Sejahtera, Teras Hubungan Insaniah, Teras Ta'lim wa Tarbiyah, dan Teras Murabbi Unggul.

Berdasarkan situasi semasa kini, transformasi pendidikan negara merupakan suatu keperluan untuk memastikan pendidikan di negara ini seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Mewujudkan ekosistem pendidikan yang berkualiti dan fleksibel, memperkasa kurikulum dengan nilai kemanusiaan terarah, melahirkan murabbi soleh dan *musleh*, serta melahirkan graduan berpersonaliti unggul ialah matlamat utama gagasan FlexS.

Penerbitan buku ini menyemarakkan lagi pemeraksanaan FlexS dan memberi nafas baharu kepada usaha melestarikan pendidikan berasaskan nilai yang sebenarnya telahpun berakar umbi di UniSZA sejak sekian lama.



Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua sahabat yang terlibat dalam usaha ini sehingga buku FlexS dapat disempurnakan dengan jayanya. Semoga amal kecil ini diterima di sisi Allah SWT sebagai amal tulus ikhlas mencari keredaan-Nya. Diharapkan, semua warga UniSZA dapat menjadikan buku ini sebagai garis panduan dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif, sejahtera dan seterusnya berjaya melahirkan graduan berpersonaliti unggul serta bermanfaat pada diri, keluarga, ummah dan negara.





PENGENALAN

Buku FlexS ini merupakan dokumen rujukan utama yang memperihalkan tentang pelaksanaan gagasan FlexS di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Pelaksanaan FlexS di UniSZA ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat Khas LPU Bil. 5/2017 bertarikh 19 September 2017.

Secara umumnya, buku ini bertujuan memberi panduan kepada pihak pelaksana dalam menjayakan FlexS mengikut skop yang ditetapkan. Buku ini turut membincangkan latar belakang pembentukan, definisi, pendekatan, objektif, tonggak, dan empat (4) teras FlexS yang menjadi visi dan matlamat kepada penerapan nilai kemanusiaan sebagai usaha pembentukan gagasan FlexS ini. Empat teras yang menjadi penggerak kepada penerapan nilai FlexS ialah Teras Gaya Hidup Sejahtera, Teras Hubungan Insaniah, Teras Ta'lim wa Tarbiyah, dan Teras Murabbi Unggul.



Teras Gaya Hidup Sejahtera memberi penekanan kepada gaya hidup sejahtera seorang pelajar yang merangkumi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. Jasmani yang sihat dan cergas, emosi yang stabil, rohani yang mantap dan fikiran yang positif merupakan ciri yang perlu dibentuk dalam diri setiap pelajar UniSZA ke arah menyediakan graduan yang sihat dan berkualiti secara holistik.

Teras Hubungan Insaniah dibentuk sebagai usaha mendidik pelajar menjalinkan hubungan baik dengan pelbagai pihak merentasi kurikulum dan kokurikulum melalui libatsama berterusan sesama pelajar dan komuniti.

Teras Ta'lim wa Tarbiyah memberi pengkhususan kepada corak pembelajaran sepanjang hayat berkonsepkan pembinaan insan berilmu dan berketerampilan dengan acuan muslim soleh. Oleh itu, teras ini akan membangunkan program dan aktiviti dalam dan luar kurikulum. Aktiviti dan program yang dilaksanakan di bawah teras ini merupakan nilai tambah kepada kurikulum pengajian sedia ada dalam melahirkan bakat terpelajar yang cemerlang.



Teras Murabbi Unggul memberi fokus kepada pembentukan diri dan sahsiah seorang pendidik (staf akademik) yang memenuhi kriteria sebagai seorang *mu'allim*, *muaddib*, *murabbi*, *musyrif* dan *mursyid* yang akan mendukung kelestarian pembelajaran sepanjang hayat di bumi UniSZA ini.

Buku yang dihasilkan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pembaca. Kandungan yang padat dengan perancangan pembangunan modal insan yang holistik dan berstrategik diharapkan dapat menjadi panduan kepada pensyarah akademik dan pelajar ke arah memperkasakan pendidikan berteraskan nilai di UniSZA.





LATAR BELAKANG

IR4.0 telah mengangkat tamadun dunia melalui perubahan teknologi dan mengubah semua aspek kehidupan manusia. Dalam era rovolusi ini, sistem pendidikan perlu ditransformasikan menjadi satu platform pembelajaran yang efektif dengan peningkatan produktiviti, pencapaian output maksimum dan pelonjakan kapasiti inovasi (Nur Aziha, 2020), di samping penerapan berkonsepkan pembelajaran nilai sepanjang hayat. Usaha ini merupakan satu bentuk jihad kontemporari yang harus diambil peluang oleh institusi pendidikan terutamanya dalam strategi menerapkan nilai kemanusiaan sebagai asas pembelajaran.

Di sebalik kerancangan negara melibatkan diri dengan perkembangan IR4.0, UniSZA telah menyekat kebimbangan terhadap kesan negatif media sosial dan teknologi kepada perkembangan modal insan pelajar dengan memperkenalkan gagasan FlexS. Gagasan FlexS yang dibentuk merupakan satu solusi berstrategik yang mendukung pemapanan ekosistem pembelajaran UniSZA berteraskan nilai. Gagasan FlexS yang dibentuk secara bersepadu dan komprehensif ini adalah suatu pembelajaran berterusan yang melalui pelbagai proses dan tahap, perubahan masa dan tempat, pendekatan, kaedah pengajaran yang fleksibel bersesuaian dengan konsep pembelajaran



sepanjang hayat, secara anjal dan dinamik. Hal ini diperakui apabila pelaksanaan FlexS di UniSZA telah diluluskan oleh LPU dalam Mesyuarat Khas LPU Bil. 5/2017 bertarikh 19 September 2017.

Maka dengan itu, bagi mendepani dan mengimbangi ledakan pendidikan berorientasikan teknologi ini, UniSZA memperkenalkan gagasan FlexS dengan mencorak pendidikan berasaskan nilai dan sentuhan insani. Pendekatan FlexS didadasari empat tonggak utama, iaitu akidah sahih/metafizik, pemikiran sahih/saintifik, sahsiah mulia, dan budaya kerja profesional. Empat tonggak ini memperkasakan modal insan sejahtera dan unggul yang soleh dan *musleh* menerusi empat teras, iaitu Teras Gaya Hidup Sejahtera, Teras Hubungan Insaniah, Teras Ta'lim wa Tarbiyah, dan Teras Murabbi Unggul.



DEFINISI

Dari segi bahasa, perkataan *flexible* telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu sebagai fleksibel. Menurut Kamus Dewan (2007:413), fleksibel bermaksud boleh diubah atau disesuaikan dengan mudah. Manakala perkataan *soul* yang bererti jiwa, dari sudut bahasa bermaksud nyawa, roh, batin (perasaan, fikiran cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia) (Kamus Dewan, 2007: 634). Dalam peradaban Melayu, perkataan jiwa digunakan sebagai istilah untuk memperihal sesuatu yang menjadi ciri khas (Amri, 2012). Sebagai contoh, frasa Bahasa Jiwa Bangsa bermaksud bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menunjukkan jati diri bangsa tersebut (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 2017).

Dalam konteks UniSZA, FlexS didefinisikan sebagai satu gagasan yang membantu pelajar dan pensyarah akademik berhadapan dengan cabaran dalam mengurus corakan IR4.0 dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21). FlexS digarap bagi menyokong usaha melahirkan graduan holistik yang cemerlang akademik dan berjiwa luhur. Setiap pelajar dan pensyarah akademik mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran di UniSZA berdasarkan kurikulum sedia ada dengan terapan elemen



pengukuhan akidah sahih/metafizik, pembinaan cara berfikir sahih/saintifik, pembentukan sahsiah mulia, dan pengamalan budaya kerja profesional.





JUSTIFIKASI

Pelaksanaan FlexS berasaskan konsep suatu pembelajaran berterusan yang melalui pelbagai proses dan tahap, perubahan masa dan tempat yang memerlukan perubahan pendekatan dan kaedah dalam pengajaran. FlexS digagaskan berdasarkan justifikasi berikut:

1. Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Mampan

Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) merupakan agenda pembangunan dunia yang mensasarkan kesejahteraan manusia melalui 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. Salah satu fokus kepada SDG ini adalah yang berkait dengan kualiti pendidikan. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan FlexS di UniSZA adalah sejajar dengan SDG ini melalui pendekatannya yang menjamin darjah kelestarian seimbang dalam pendidikan.



2. Seiring dengan Agenda Pendidikan Negara

Pelaksanaan FlexS secara holistik adalah seiring dengan agenda pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menunjukkan komitmen kerajaan dalam mentransformasikan sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini dibuktikan melalui sepuluh (10) lonjakan yang diperkenalkan bagi memandu hala tuju pendidikan negara ke arah pendidikan yang cemerlang dan berimpak. FlexS adalah selari dengan kerangka lonjakan tersebut kerana FlexS membawa pendekatan yang holistik dari aspek kecemerlangan akademik, pembinaan sahsiah serta pemeraksanaan nilai kemanusiaan yang tinggi.

3. Menangani Cabaran dalam Pelaksanaan IR4.0

Pelaksanaan FlexS bertujuan mengimbangi nilai kemanusiaan dalam menghadapi cabaran IR4.0. Sembilan (9) tonggak dalam dasar IR4.0 memperlihatkan pemeraksanaan kepada aspek teknologi secara maksimum yang turut memaksimumkan penggunaan akal dan intelektual insan. Kebergantungan kepada teknologi dalam urusan seharian dan industri seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), *big data*, integrasi sistem serta penggunaan robotik dan *cloud* mendorong kepada kurangnya



interaksi dan hubungan sesama insan. Oleh itu, melalui pelaksanaan FlexS, elemen hubungan insaniah dan nilai murni di samping kerancangan menyahut seruan kemajuan teknologi akan dapat diterapkan.

4. Pemeraksanaan Ekosistem Pembelajaran dengan Nilai Kemanusiaan

Nilai kemanusiaan merupakan elemen penting dalam pemeraksanaan ekosistem pembelajaran. Nilai kemanusiaan memainkan peranan penting dalam pembangunan insan cemerlang secara berterusan. Tanggungjawab pemupukan nilai kemanusiaan mampu memberi manfaat kepada pembangunan dan kelestarian tamadun manusia keseluruhannya.

Oleh itu, gagasan FlexS ini sangat relevan sebagai elemen pembelajaran sepanjang hayat dan secara anjal yang mampu melahirkan graduan holistik seiring dengan IR4.0. Usaha ini adalah sebagai langkah dan strategi untuk memperkasakan modal insan yang berkompentensi dan berkemahiran tinggi.





OBJEKTIF


Penerapan elemen FlexS yang dijalankan di UniSZA melalui pelbagai proses dan tahap memerlukan pendekatan bersinergi dalam pembelajaran dan pengajaran. Objektif FlexS bertujuan mencapai perkara berikut:

1. Membina akidah sahih/metafizik sebagai usaha mewujudkan ekosistem pendidikan berkualiti dan fleksibel.
2. Memupuk pemikiran sahih/saintifik dengan memperkasa kurikulum menerusi nilai kemanusiaan terarah.
3. Melahirkan murabbi soleh dan *musleh* yang mampu membentuk sahsiah mulia.
4. Melahirkan graduan berpersonaliti unggul dengan perwatakan budaya kerja profesional.



TONGGAK

Tonggak FlexS adalah berasaskan ilmu dan iman yang berorientasikan *tarbiyah* dan *ta'lim*, dan seterusnya dipasakkan dengan empat (4) tonggak utama, iaitu akidah sahih/metafizik, pemikiran sahih/saintifik, sahsiah mulia, dan budaya kerja profesional seperti dalam Rajah 1.




Rajah 1: Asas Pembentukan Tonggak FlexS

Empat (4) tonggak FlexS ini akan diterapkan dalam kurikulum dengan merujuk kepada surah al-Baqarah ayat 129 dan 151; surah al-Imran ayat 164, dan surah al-Jumu'ah ayat 2. Ini dapat digambarkan dalam Rajah 2.



Tonggak utama yang diberi penekanan dalam gagasan FlexS ialah akidah sahih/metafizik yang merupakan jantung kepada pembinaan diri seorang makhluk kepada pencipta-Nya. Melalui akidah sahih/metafizik, akan terbentuk pemikiran sahih/saintifik dengan keupayaan menilai tindakan yang benar dan seterusnya memandu individu kepada corakan keperibadian bersahsiah mulia. Maka, berbekalkan akidah sahih/metafizik, pemikiran sahih/saintifik, amalan bersahsiah mulia, dipercayai personaliti unggul, budaya kerja profesional dan berintegriti dapat diamalkan secara telus dan berterusan yang disebut sebagai nilai pembelajaran sepanjang hayat.



Rajah 2: Tonggak FlexS



1. Akidah Sahih/Metafizik

Akidah sahih/metafizik adalah merujuk kepada kepercayaan seorang hamba berteraskan keyakinan hubungannya dengan Pencipta/Tuhan. Melalui penerapan akidah sahih/metafizik, pelajar akan berpegang dengan akidah yang benar sebagai cara hidup sehingga mampu menjana ekosistem pendidikan yang berkualiti, fleksibel, dan cemerlang menerusi penerapan nilai keredaan, kerelaan, keyakinan, harapan, dan rasa diawasi. Melalui penerapan nilai tonggak akidah sahih/metafizik ini, pelajar akan dibentuk dengan memahami hakikat kewujudan diri sebagai hamba Pencipta/Tuhan yang pastinya sentiasa meyakini segala yang berlaku adalah dengan keizinan dan kehendak-Nya.

2. Pemikiran Sahih/Saintifik

Pemikiran sahih/saintifik merujuk kepada pembinaan pemikiran yang berkait dengan perihal yang benar untuk mempertahankan akidah sahih/metafizik dalam persekitaran kehidupan. Penerapan tonggak pemikiran sahih/saintifik akan mendorong kepada pembuatan keputusan dan tindakan yang tepat dan berhikmah dalam proses menentukan hakikat kebenaran. Selain itu, penerapan tonggak pemikiran sahih/saintifik juga akan memupuk cara berfikir yang realistik dan kukuh berdasarkan sumber naqli dan aqli sebagai jalan penyelesaian.



3. Sahsiah Mulia

Sahsiah mulia merujuk kepada nilai akhlak atau moral yang baik seperti jujur, sabar, benar, dan bekerjasama. Melalui penerapan tonggak sahsiah mulia, akan wujud kesedaran terhadap diri yang bertindak sebagai kawalan dari sikap dan tindakan negatif. Di samping itu, penerapan tonggak sahsiah mulia akan memupuk kecenderungan kepada pekerti mulia, jujur, ikhlas, hormat-menghormati, dan bersopan-santun secara berterusan.

4. Budaya Kerja Profesional

Budaya kerja profesional merujuk kepada pembudayaan kerja yang cemerlang, komited, dan bersungguh-sungguh. Melalui penerapan tonggak budaya kerja profesional, jati diri yang tinggi dan berintegriti akan dibentuk dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Dengan berbekalkan tonggak budaya kerja profesional, etika kerja akan terpelihara dan budaya kerja negatif dapat ditepis dalam melahirkan insan profesional yang berkualiti.





PENDEKATAN

Gagasan FlexS diterapkan secara holistik untuk memastikan kelestarian pendidikan berasaskan nilai dapat dibumikan di Dataran Abidin. Bagi menjayakan agenda ini, empat pendekatan FlexS telah digariskan seperti berikut:

1. Penerapan Elemen FlexS dalam Kursus Sedia Ada

Penerapan elemen FlexS dilakukan dalam Mata Pelajaran Umum (MPU) dan kursus program pengajian seperti kursus teras program dan kursus yang melibatkan khidmat komuniti (*community service*). Pendekatan ini memberi nilai tambah kepada kursus sedia ada dengan pengisian dan pendekatan baharu dari aspek pelaksanaannya.

2. Pembangunan Kursus Baharu

Pembangunan kursus baharu ini diwujudkan bagi menonjolkan kelainan dalam penawaran kursus apabila kursus baharu ini menerapkan elemen FlexS secara maksimum berbanding kursus lain yang sedia ada. Penawaran kursus baharu yang dibangunkan memberi pendedahan secara terus kepada inspirasi FlexS. Selain itu, kursus audit turut dibangunkan bagi menerapkan tonggak FlexS.



3. Pembangunan Pendidik dan Pelajar

Selain aspek pembangunan pelajar, hala tuju FlexS juga turut memberi fokus kepada aspek pembangunan pendidik. Penekanan kepada aspek pembangunan pendidik dan pelajar, merupakan langkah proaktif ke arah memacu kecemerlangan akademik dan sahsiah diri berteraskan nilai kemanusiaan.

4. Pelaksanaan Aktiviti/Program Sokongan

Aktiviti/program sokongan yang dilakukan adalah dalam bentuk mengadakan program di luar kurikulum bagi pemantapan nilai FlexS dalam kalangan pelajar. Cadangan aktiviti/program yang dibuat mesti bersesuaian dengan kaedah dan nilai tonggak FlexS yang akan diterapkan.





TERAS FlexS

Transformasi akademik UniSZA merupakan satu usaha strategik dalam memastikan kelestarian ekosistem pendidikan yang berkualiti dan fleksibel. Ia bertujuan memupuk nilai kemanusiaan terarah, melahirkan murabbi soleh dan *musleh*, serta melahirkan pendidik dan graduan berpersonaliti unggul seiring dengan gagasan FlexS. Bagi menjayakan transformasi akademik UniSZA yang berfokus kepada pendidikan berasaskan nilai, FlexS menstrukturkan empat (4) teras utama iaitu Teras Hubungan Insaniah, Teras Hubungan Insaniah, Teras Ta'lim wa Tarbiyah, dan Teras Murabbi Unggul.





TERAS GAYA HIDUP SEJAHTERA



TERAS GAYA HIDUP SEJAHTERA

Pendahuluan

Teras ini memberi penekanan kepada gaya hidup sejahtera seorang pelajar yang merangkumi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. Jasmani yang sihat dan cergas, emosi yang stabil, rohani yang mantap dan fikiran yang positif merupakan ciri yang perlu dibentuk dalam diri setiap pelajar UniSZA ke arah menyediakan graduan yang sihat dan berkualiti secara holistik.

Objektif

Teras Gaya Hidup Sejahtera secara umumnya berhasrat melahirkan pelajar yang membudayakan amalan gaya hidup sejahtera dalam kehidupan seharian. Objektif khususnya, ialah:

1. Membentuk kemahiran pelajar dalam mengamalkan gaya hidup sihat berlandaskan prinsip agama.
2. Melahirkan pelajar yang mempunyai nilai adab dan akhlak yang tinggi serta sikap positif terhadap amalan gaya hidup sejahtera.





Pendekatan

Penerapan nilai gaya hidup sejahtera dilakukan melalui pendekatan berikut:

1. Pembangunan kursus baharu
2. Pelaksanaan aktiviti/program sokongan

Aktiviti/Program

Terdapat dua bentuk pelaksanaan aktiviti/program bagi Teras Gaya Hidup Sejahtera iaitu:

1. Pembangunan Kursus Baharu

Kursus baharu dibangunkan dengan menerapkan elemen FlexS. Kursus ini merangkumi pendedahan pengetahuan, pembentukan kemahiran dan penerapan nilai dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Kursus Gaya Hidup Sejahtera ditawarkan sebagai kursus elektif terbuka sebanyak tiga (3) jam kredit selama 14 minggu kepada pelajar Tahun 2 peringkat Sarjana Muda yang terpilih sebagai salah satu kursus intervensi.



2. Pelaksanaan Aktiviti/Program Sokongan

Program *Finishing School* dirancang sebagai program sokongan luar kurikulum bagi memberi pendedahan kepada pelajar untuk pemantapan kesejahteraan diri secara berterusan. Kursus Gaya Hidup Sejahtera dilaksanakan sebagai salah satu program *Finishing School* di UniSZA bagi mana-mana pelajar yang tidak mengambil kursus ini sebagai kursus elektif sebelum pengijazahan.

Pentaksiran dan Penilaian

Kaedah pentaksiran dan penilaian adalah menggunakan rubrik yang bersesuaian dengan objektif yang akan dinilai. Kaedah yang digunakan ialah pentaksiran alternatif seperti kandungan digital, vlog, *role play* dan jurnal reflektif.



Kesimpulan

Pendekatan holistik dalam penerapan elemen gaya hidup sejahtera menerusi pendekatan penawaran kursus baharu dan program *Finishing School* mampu membantu pembentukan pelajar yang sihat dan sejahtera. Penawaran kursus Gaya Hidup Sejahtera adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mencapai keseimbangan JERI (Jasmani, Emosi, Rohani & Intelek). Penerapan nilai tonggak FlexS ini mampu membentuk potensi pelajar yang cergas dan cerdas secara menyeluruh dan bersepadu sebagai usaha mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis.





TERAS HUBUNGAN INSANIAH



TERAS HUBUNGAN INSANIAH

Pendahuluan

Teras Hubungan Insaniah dibentuk sebagai usaha mendidik pelajar menjalinkan hubungan baik dengan pelbagai pihak merentasi kurikulum dan kokurikulum melalui libatsama berterusan sesama pelajar dan komuniti.

Objektif

Teras Hubungan Insaniah bertujuan memupuk sifat cakna, tanggungjawab sosial dan belas ihsan, melalui hubungan baik pelbagai pihak. Objektif Teras Hubungan Insaniah adalah untuk:

1. Membentuk pelajar yang memahami kepelbagaian agama dan budaya.
2. Melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, cakna dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.
3. Memupuk pelajar yang berprinsip, dinamik serta efektif dalam membawa perubahan.
4. Membina pelajar yang mampu bekerja secara berpasukan serta memiliki kecekapan berkomunikasi melalui hubungan baik pelbagai pihak.



Pendekatan

Penerapan nilai hubungan insaniah dilakukan melalui pendekatan berikut:

1. Penerapan elemen FlexS dalam kursus sedia ada
2. Pembangunan kursus baharu
3. Pelaksanaan aktiviti/program sokongan

Aktiviti/Program

1. Penerapan Elemen FlexS dalam Kursus Sedia Ada

Kursus sedia ada diterapkan dengan elemen FlexS seperti latihan industri, kursus berasaskan komuniti atau MPU. Kursus sedia ada akan memfokuskan tanggungjawab sosial kepada komuniti di samping pembinaan hubungan insaniah dalam diri pelajar.





2. Pembangunan Kursus Baharu

Kursus baharu dibangunkan dengan menerapkan elemen FlexS. Kursus ini merangkumi pendedahan hubungan insaniah dengan libatsama komuniti sama ada dalam kursus berasaskan komuniti, latihan industri, atau kokurikulum yang bersifat berterusan. Pembangunan kursus baharu akan memberi penekanan kepada libatsama komuniti seterusnya menjalinkan hubungan baik dengan pelbagai pihak.

3. Pelaksanaan Aktiviti/Program Sokongan

Program Khidmat Komuniti dilaksanakan bertujuan memupuk sikap kesukarelawan dan semangat kerjasama pelajar dalam khidmat sosial bersama komuniti. Program ini memberi tumpuan terhadap pemupukan kerja berpasukan dan bakat kepimpinan pelajar dalam menguruskan program bersama komuniti.



Pentaksiran dan Penilaian

Pentaksiran dan penilaian dilakukan dengan menggunakan rubrik yang bersesuaian untuk atribut yang ingin dinilai melalui pendekatan berikut:

1. *Multivalue and multisource feedback* melalui rubrik penilaian oleh setiap pemegang taruh (rakan sebaya, pensyarah akademik, ahli komuniti, wakil agensi).
2. Pengukuran impak (sebelum dan selepas) melalui bukti bersesuaian seperti gambar, video, refleksi pemegang taruh dan sebagainya.
3. Laporan projek yang dilakukan di pertengahan dan akhir projek selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas tamat tarikh akhir projek.

Kesimpulan

Pendekatan holistik dalam penerapan elemen hubungan insaniah dalam program pengajian serta aktiviti dan program memberi nilai tambah kepada pendekatan pendidikan fleksibel sedia ada di universiti. Penerapan tonggak FlexS ini menyediakan satu mekanisme dalam membentuk keperibadian mahasiswa yang seimbang dan terarah nilai akal budinya tanpa menolak kerancangan kemajuan teknologi dan wadah pendekatan pendidikan terkini.

TERAS
TA'LIM WA TARBIYAH



TERAS TA'LIM WA TARBIYAH

Pendahuluan

Teras Ta'lim wa Tarbiyah memberi pengkhususan kepada corak pembelajaran sepanjang hayat berkonsepkan pembinaan insan berilmu dan berketerampilan dengan acuan muslim soleh. Oleh itu, teras ini akan membangunkan program dan aktiviti dalam dan luar kurikulum. Aktiviti dan program yang dilaksanakan di bawah teras ini merupakan nilai tambah kepada kurikulum pengajian sedia ada dalam melahirkan bakat terpelajar yang cemerlang.

Objektif

Teras Ta'lim wa Tarbiyah bertujuan membina insan berilmu, bersahsiah, dan berpersonaliti unggul yang soleh dan *musleh* dengan memanfaatkan tempoh pembelajaran sedia ada pelajar di UniSZA. Objektif Teras Ta'lim wa Tarbiyah adalah untuk mencapai perkara berikut:

1. Membentuk pelajar berilmu melalui nilai tambah berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat.
2. Melahirkan pelajar berpersonaliti soleh dan *musleh* yang mampu menjadi *role model* dalam kehidupan masyarakat.



Pendekatan

Pelaksanaan FlexS melalui teras ini dilakukan melalui pendekatan berikut:

1. Penerapan elemen FlexS dalam kursus sedia ada
2. Pembangunan kursus baharu
3. Pelaksanaan aktiviti/program sokongan

Aktiviti/Program

Terdapat tiga bentuk pelaksanaan aktiviti/program bagi Teras Ta'lim wa Tarbiyah:

1. Penerapan Elemen FlexS dalam Kursus Sedia Ada

Kursus sedia ada diterapkan dengan elemen FlexS seperti latihan industri, kursus berasaskan komuniti atau kursus MPU. Kursus sedia ada akan memfokuskan pembinaan insan berilmu dan berketerampilan dengan acuan muslim soleh.



2. Pembangunan Kursus Baharu

Kursus baharu dibangunkan dengan menerapkan elemen FlexS. Kursus ini merangkumi pendedahan ilmu yang dapat membentuk nilai tambah dalam pembinaan jati diri pelajar. Pembangunan kursus baharu ini akan memberi penekanan kepada percambahan ilmu, pembangunan personaliti soleh, serta penerapan nilai adab dan akhlak yang akan menyediakan bakat kepimpinan yang berilmu, soleh dan *musleh* yang mampu diteladani, serta bersedia menginfakkan diri dalam memberi khidmat dan manfaat kepada masyarakat.

3. Pelaksanaan Aktiviti/Program Sokongan

Menyediakan program sokongan luar kurikulum bagi menyerlahkan identiti UniSZA di bawah gugusan universiti Islam. Program dijalankan secara komprehensif, terbuka sepanjang pengajian dan bakal dianugerahkan dengan sijil yang mendapat pengiktirafan daripada badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) dan lainnya. Antara contoh program adalah seperti Sijil Tahfiz Al-Quran, Sijil Pengurusan Masjid, Sijil Pengajian Kitab Jawi serta Sijil Imam dan Bilal. Selain itu, aktiviti/program



yang dapat menyemarakkan pembudayaan syiar Islam di UniSZA bagi membina biah solehah juga boleh dianjurkan di antaranya Karnival FlexS dan wacana FlexS berbentuk kesedaran Islam.

Pelaksanaan teras Ta'lim wa Tarbiyah yang dipandu oleh nilai tonggak FlexS adalah melibatkan kursus pengajian akademik, program pembinaan jati diri dan identiti UniSZA serta aktiviti penyemarakan syiar Islam dan pembudayaan nilai dengan pelaksanaan seperti berikut:

1. Semakan dan pemurnian kurikulum bagi kursus MPU dan kursus universiti bagi memastikan penerapan FlexS dalam struktur Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) kursus.
2. Menjalinkan kolaborasi dengan institusi atau agensi berautoriti dalam merangka program luar kurikulum berdaya saing.
3. Penubuhan Jawatankuasa Kerja dari pelbagai pihak dan Pusat Tanggungjawab UniSZA bagi melancarkan pelaksanaan aktiviti melalui pembentukan takwim tahunan untuk perancangan aktiviti akan datang.



Pentaksiran dan Penilaian

Pentaksiran dan penilaian dilakukan dengan menggunakan rubrik yang bersesuaian dengan objektif yang akan dinilai. Bentuk pentaksiran adalah seperti ujian kemahiran, latihan praktikal dan pembentangan berkumpulan.

Kesimpulan

Teras Ta'lim wa Tarbiyah turut bersama dalam memastikan insan soleh dan biah solehah membumi di UniSZA. Tumpuan dan sasaran utama teras ini adalah melahirkan pelajar yang dapat menjadi ikon kelahiran UniSZA di samping warga UniSZA seluruhnya. Pelajar merupakan aset penting dan bakal menjadi Duta UniSZA yang akan menzahirkan contoh teladan profesional acuan didikan UniSZA. Oleh itu, keterlibatan pelajar menerusi aktiviti dalam dan luar kurikulum dipandu serta diterapkan dengan elemen FlexS bagi melahirkan keperibadian cemerlang dan berjiwa luhur. Akhirnya, mereka bukan sahaja dianggap sebagai insan soleh, bahkan turut mencetus kebaikan dan menyebarkan manfaat kepada persekitarannya.

TERAS
MURABBI UNGGUL



TERAS MURABBI UNGGUL

Pendahuluan

Murabbi Unggul merupakan salah satu teras dalam menjayakan FlexS. Teras ini berpusat kepada pembentukan jati diri dan sahsiah pendidik yang memenuhi kriteria sebagai seorang *mu'allim*, *muaddib*, *murabbi*, *musyrif* dan *mursyid* yang akan memandu dan menerajui pembentukan diri pelajar kepada pewujudan biah solehah di UniSZA.

Objektif

Teras Murabbi Unggul berhasrat melahirkan pensyarah akademik yang mampu membimbing rakan sejawat dan pelajar dalam membudayakan sikap saling berpesan kepada kebaikan dan nasihat-menasihati menerusi perkongsian dan bimbingan ilmu berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat. Objektif khususnya, ialah:

1. Membentuk peranan pendidik berdasarkan ciri-ciri murabbi.
2. Menerapkan aspek tarbiah dan adab dalam pembelajaran dan pengajaran.
3. Melahirkan pendidik yang dapat menguasai fungsi sebagai Mu'allim, Muaddib dan Murabbi.



Pendekatan

Pelaksanaan FlexS melalui teras ini dilakukan melalui pendekatan pelaksanaan aktiviti/program sokongan

Aktiviti/Program

Dalam melaksanakan FlexS melalui teras ini, sekurang-kurangnya tiga (3) aktiviti/program sokongan akan dilaksanakan kepada pensyarah/staf akademik dan satu (1) aktiviti/program sokongan untuk pelajar. Ketiga-tiga aktiviti kepada pensyarah akademik bertujuan mencapai tiga (3) tahap kriteria yang mesti dimiliki oleh seorang pendidik iaitu Mu'allim, Muaddib, dan Murabbi. Aktiviti ini dijalankan menerusi pelaksanaan modul berasaskan empat tonggak FlexS, serta pembentukan latihan dan kepakaran menerusi sesi bimbingan dan pementoran. Manakala program untuk pelajar pula ialah Program Mentor-Menti yang bertujuan menerapkan penghayatan beragama dan berakhlak mulia menerusi pelaksanaan Modul Mentor-Menti.



Pembangunan pensyarah akademik melalui teras ini dilaksanakan berpandukan modul yang disediakan. Modul dibahagikan kepada tiga (3), iaitu Modul Mu'allim, Modul Muaddib dan Modul Murabbi. Modul ini dilaksanakan secara urutan dan setiap pensyarah akademik hendaklah mengikuti kesemua modul yang disediakan. Pelaksanaan modul ini dilaksanakan dalam bentuk bengkel bersiri dan aktiviti/program sokongan, iaitu:

1. Bengkel Mu'allim
2. Bengkel Muaddib
3. Bengkel Murabbi
4. Aktiviti/program sokongan berdasarkan keperluan

Pentaksiran dan Penilaian

Pentaksiran dan penilaian dilakukan dengan menggunakan rubrik yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dinilai. Bentuk pentaksiran adalah seperti penggunaan instrumen soal selidik bagi menguji setiap kefahaman dan penghayatan terhadap modul seta pemantauan terhadap modul seta pemantauan ke atas pelaksanaan modul berdasarkan tempoh yang telah diperuntukkan.



Kesimpulan

Teras Murabbi Unggul mengutarakan beberapa program dan aktiviti yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pembangunan murabbi bagi setiap pensyarah akademik. Teras ini akan membentuk kerjaya seorang pendidik yang disanjung dan dihormati, pelajar yang berdaya saing dan berjiwa mulia, kakitangan yang disegani dan dihormati, persekitaran yang baik dan sejahtera serta komuniti yang terkehadapan dalam penonjolan nilai keagamaan yang secara tidak langsung mendukung kelestarian UnisZA sebagai medan tarbiah berkonsep pembelajaran sepanjang hayat.





PENUTUP

Pelaksanaan gagasan FlexS bagi menangani cabaran Revolusi Industri 4.0 merupakan satu tanggungjawab yang menuntut integriti, kesungguhan dan kerjasama semua warga UniSZA. Diharapkan semua warga UniSZA bersedia merealisasikan gagasan ini dalam segenap aspek dan menjadikan usaha murni ini sebagai sebahagian amal soleh yang berterusan dalam melahirkan anak bangsa berilmu dan berkemahiran tinggi, berakhlak mulia, teguh pegangan agama, tinggi peradaban dan berjiwa luhur.





RUJUKAN

Amri Marzali (2012) Peradaban Melayu-Nusantara. *Jurnal Peradaban*, 5, 23 - 48.

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2017, September 13). *Apakah maksud slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”?* DBP Malaysia. <https://www.facebook.com/DBPMalaysia/photos/apakah-maksud-slogan-bahasa-jiwa-bangsabahasa-jiwa-bangsa-bermaksud-bahawa-bahas/1611310352273260/>

Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Aziha Mansor@Nordin (2020). *Revolusi Industri (IR) 4.0*. dosm.gov.my. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BMP_5_2020_Siri-25.pdf



INDEKS

A

Agenda Pendidikan Negara, 22

Akidah sahih, 18

Akidah metafizik, 18

Automasi, 22

E

Ekosistem, 23

Emosi, 15

F

Falsafah, 36

Fleksibel, 41

G

Gagasan, 53

Gaya Hidup Sejahtera, 33

H

Hubungan Insaniah, 38

Holistik, 10

I

Industri, 12

Insaniah, 23

Integriti, 26 Intelektual, 33

J

Jasmani, 33

K

Khidmat komuniti, 29

Kelestarian, 31

Komuniti, 38

Kurikulum, 15

L

Libatsama, 15

Lonjakan, 22

M

Mampan, 23

Mentor-menti, 50

Modal insan, 16

Muaddib, 49

Muallim, 16

Murabbi Unggul, 20

Musleh, 18

Musyrif, 49

Mursyid, 49

**N**

Nilai, 12

P

Pembangunan mampan, 21

Pemikiran Sahih, 18

Pemikiran Saintifik, 18

Pentaksiran, 35

Personaliti unggul, 43

Proaktif, 30

Profesional, 18

R

Revolusi Industri, 10

Robotik, 22

Rohani, 33

S

Sahsiah mulia, 24

Saintifik, 20

Sejahtera, 10

Soleh, 12

Sustainable Development Goals, 23

Strategi, 17

T

Teras, 17

Ta'lim wa Tarbiyah, 43

Tonggak, 18

Transformasi, 12

U

Unggul, 14





AHLI JAWATANKUASA INDUK FLEXS

Pengerusi

Prof. Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Timbalan Pengerusi

Prof. Madya Dr. Zulazhan bin Ab. Halim
Timbalan Pengarah Bahagian Transformasi Akademik
Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan Pengantarabangsaan
(CoMAE-i)

Ahli Jawatankuasa

Prof. Madya Ts. Dr. Syadiah Nor binti Wan Shamsuddin
Pengarah
Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan Pengantarabangsaan
(CoMAE-i)

Dr. Zuraidah Juliana binti Mohamad Yusoff
Penyelaras FlexS
Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan Pengantarabangsaan
(CoMAE-i)

Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa binti Syed Saadun Tarek Wafa
Ketua Teras Gaya Hidup Sejahtera

Ts. Norkhairani binti Abdul Rawi
Ketua Teras Hubungan Insaniah

Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita binti Omar
Ketua Teras Ta'lim wa Tarbiyah



Prof. Madya Dr. Berhanundin bin Abdullah
Ketua Teras Murabbi Unggul

Dr. Siti Khatijah binti Ismail
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Prof. Madya Dr. Mohd Shafie bin Hamzah
Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar

Encik Ahmad Muslim bin Buhari
Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Ts. Dr. Nadzifah binti Yaakub
Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pejabat Pengarah
Kampus Besut





Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman
Telefon: 09-688 8485, Faks: 09-668 7889
Email: ptncaa@unisza.edu.my
Laman sesawang: <https://ptnca.unisza.edu.my>

Dengan Kerjasama

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman
Telefon: 09-688 8793, Faks: 09-668 7843
Email: bpa@unisza.edu.my
Laman sesawang: <https://comae-i.unisza.edu.my>

ISBN 978-967-2644-30-9

